

23 OCT 2003

Mahathir-Niaga/I

DR MAHATHIR KATA PERDAGANGAN DENGAN TIMOR LESTE PUNYAI POTENSI BESAR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DILI, 23 Okt (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata banyak boleh dilakukan untuk memperluaskan perdagangan antara Malaysia dan Timor Leste, yang kini berada pada tahap rendah.

Perdana Menteri berkata, keseluruhan perdagangan Malaysia dengan Timor Leste berjumlah US\$390,000 pada 2002.

Eksport dari Malaysia, bernilai US\$310,000, terdiri daripada peranti elektronik, peralatan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori serta minuman.

"Potensi untuk meningkatkan perdagangan dua hala adalah baik, dengan mengambil kira hubungan rapat dan ekonomi yang saling melengkapi yang berkaitan dengan tahap pembangunan kita," katanya pada dialog perniagaan Timor Leste-Malaysia di sini sempena lawatan rasmi tiga hari beliau di sini.

Kira-kira 40 hli perniagaan Malaysia dan 100 rakan perniagaan mereka dari Timor Leste menghadiri dialog itu.

Dr Mahathir yang kini pada hari kedua lawatan itu berkata masyarakat perniagaan kedua-dua negara mempunyai peluang lebih besar untuk memperluaskan aliran perdagangan ketika Timor Leste membina semula ekonominya.

Sedang kerajaan Malaysia melaksanakan bahagiannya bekerjasama dengan Timor Leste dalam proses pembangunannya, beliau berkata, sektor swasta Malaysia turut digalakkan melabur di negara itu yang mencapai kemerdekaan pada Mei, 2002.

Malaysia kini merupakan pelabur kedua terbesar di negara pulau itu.

Dr Mahathir berkata, lebih 90 syarikat Malaysia telah melabur di Timor Leste dalam bidang seperti perhotelan dan restoran, perundingan dan perkhidmatan perakaunan, teknologi maklumat, perkhidmatan bantuan guaman, pengangkutan dan perkhidmatan mekanikal, perkhidmatan perkapalan, tenaga, perniagaan dan aktiviti perdagangan am.

Katanya, Malaysia sedar mengenai usaha kerajaan Timor Leste dalam menarik pelaburan asing.

"Menggalakkan pelaburan asing langsung (FDI) merupakan strategi penting bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia," kata Dr Mahathir.

Katanya, Malaysia bersedia berkongsi pengalamannya dalam menggalakkan FDI dengan Timor Leste, sambil menyatakan negara itu berminat menarik penyertaan asing dalam perikanan, minyak dan gas, pembinaan semula infrastrukturnya seperti pelabuhan dan jalan raya, pembinaan dan kejuruteraan awam dan aktiviti pembuatan ringan.

Sejak mencapai kemerdekaannya, Timor Leste telah mencapai kemajuan besar dalam perancangan, keupayaan pembinaan dan menyediakan institusi dan struktur penting.

"Kami juga gembira untuk menyatakan bahawa anda juga mempunyai Wawasan 2020 sendiri sebagai panduan dalam proses pembinaan negara," kata Dr Mahathir.

"Malaysia yakin dengan keupayaan negara-negara untuk berdikari, tetapi kami juga faham bahawa proses itu dapat dipermudahkan melalui sokongan dan galakan berterusan daripada negara-negara yang mempunyai pengalaman serupa yang mempunyai keinginan berbuat demikian.

"Dalam hubungan ini, Malaysia komited untuk bekerjasama dengan Timor Leste dalam proses pembinaan semulanya.

"Kami berada di sini ketika anda dalam proses mewujudkan negara anda dan kami akan terus bekerjasama dalam usaha pembangunan ekonomi anda," katanya.

Katanya, 124 pegawai Timor Leste telah menjalani latihan dalam bidang pentadbiran, pelaburan dan diplomasi di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Malaysia juga telah melatih 29 belia Timor Leste dalam pelbagai bidang, termasuk teknologi pembinaan, teknologi fabrik, percetakan, automotif, pembuatan perabot dan perkhidmatan elektrik.

-- BERNAMA

AZZ AHH SHY AHM RHM